

ANPRO-LORATADINE TABLET

Loratadine (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Anpro-Loratadine Tablet
2. Bagaimana Anpro-Loratadine Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Anpro-Loratadine Tablet
4. Cara menggunakan Anpro-Loratadine Tablet
5. Semasa menggunakan Anpro-Loratadine Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Anpro-Loratadine Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Anpro-Loratadine Tablet

Anpro-Loratadine Tablet digunakan untuk melegakan:

- Gejala alahan seperti hidung berair/tersumbat, bersin, mata berair dan kegatalan mata atau hidung, gegata dan alahan kulit yang lain.

Bagaimana Anpro-Loratadine Tablet berfungsi

Anpro-Loratadine Tablet mengandungi loratadine iaitu sejenis antihistamin. Ia berfungsi dengan menyekat tindakan histamin iaitu suatu bahan kimia di dalam badan yang menyebabkan gejala alahan.

Sebelum menggunakan Anpro-Loratadine Tablet

Bila tidak boleh menggunakan:

- Jangan ambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap loratadine atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

-Sebelum menggunakan Anpro-Loratadine Tablet:

- Jangan ambil ubat ini 2 hari sebelum anda dijadualkan

untuk menjalani ujian alahan kulit kerana ia mungkin menjejaskan keputusan ujian.

Beritahu doktor anda sekiranya:

- Anda menghidap penyakit atau masalah hati.

Mengandung dan menyusukan anak
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat. Loratadine dirembeskan ke dalam susu ibu, oleh itu manfaat dan risiko penggunaan hendaklah dipertimbangkan.

-Jika mengambil ubat-ubatan lain:

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Anpro-Loratadine Tablet

-Berapa banyak harus digunakan:

- Dewasa dan remaja yang melebihi usia 12 tahun: Satu biji.
- Kanak-kanak (6 hingga 12 tahun): Berat badan > 30kg: Satu biji. Berat badan < 30kg dan berupaya menelan tablet: Setengah biji
- Individu yang menghidap penyakit hati yang teruk: Dos permulaan adalah setengah biji sekali sehari, atau sebiji selang sehari.

-Bila perlu digunakan:

Ambil sekali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan:

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika anda terlupa menggunakan:

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebi dos):

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan rasa mengantuk, degupan jantung yang pantas dan sakit kepala.

Semasa menggunakan Anpro-Loratadine Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan:

- Guna ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Anpro-Loratadine Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil samasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan:

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berikan Anpro-Loratadine Tablet kepada sesiapa walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.
- Jangan berikan Anpro-Loratadine Tablet kepada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

-Perkara yang perlu diberi perhatian:
Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperi semua ubat lain, Anpro-Loratadine Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

- Kesan sampingan yang kerap dilaporkan pada kanak-kanak berusia 2 hingga 12 tahun adalah sakit kepala, gementar dan rasa penat.
- Kesan sampingan yang paling kerap dilaporkan pada orang dewasa dan remaja adalah mengantuk, sakit kepala, selera makan bertambah dan kesukaran untuk tidur.
- Kesan sampingan lain yang sangat jarang dilaporkan adalah reaksi alahan yang teruk, pening, degupan jantung yang cepat atau kuat, mual, mulut kering, radang perut, masalah hati, ruam, rambut gugur.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my

(Consumers →Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan Anpro-Loratadine Tablet

-Penyimpanan

Jangan gunakan selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan di bawah suhu 30°C di dalam bekas yang kedap udara. Lindungi daripada cahaya, haba dan kelembapan.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet bujur yang leper, berwarna putih dengan garisan skor.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:
Loratadine

-Bahan tidak aktif:

Isopropyl alcohol, laktosa, kanji jagung, croscarmellose sodium, povidon K-30, magnesium stearate dan colloidal silicone dioxide

-Nombor MAL

MAL20040205AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

09/02/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)130922/00068